



**TEKS UCAPAN  
YBRS TUAN MOHD. YAZID BIN SAIRI S.I.S  
YANG DIPERTUA MAJLIS PERBANDARAN SELAYANG**

**DI  
MAJLIS PERHIMPUNAN BULAN JUN DAN PROGRAM GOTONG  
ROYONG PERDANA EKSA 2022  
PERINGKAT MAJLIS PERBANDARAN SELAYANG**

**10 JUN 2022  
8.30 PAGI, DATARAN MPS**

Bismillahirrahmanirrahim.....

Terima kasih pengacara majlis,

**Yang Berusaha Tuan Haji Azhar bin Samsuri**

Penolong Setiausaha

Majlis Perbandaran Selayang,

**Yang Berusaha Encik Mohamad Zin bin Masoad**

Pengarah Jabatan Korporat merangkap Fasilitator Ekosistem

Kondusif Sektor Awam (EKSA)

Majlis Perbandaran Selayang

Para pengarah jabatan,

Pegawai-pegawai, tuan-tuan dan puan-puan warga MPS sekalian.

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera.

1. Alhamdulillah, saya memanjatkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan limpah kurniaNya, dapat kita bersama-sama berhimpun di hari yang cukup bermakna ini dalam Majlis Perhimpunan Bulan Jun dan Program Gotong Royong Perdana EKSA Tahun 2022.

2. Dikesempatan ini, saya ingin merakamkan ucapan ribuan terima kasih kepada seluruh warga MPS kerana dapat meluangkan masa untuk hadir dalam perhimpunan ini. Rasanya ini merupakan perhimpunan yang pertama bagi tahun ini dimana kita dapat berkumpul secara fizikal sepenuhnya berbanding sebelum ini kita berhimpun melalui kaedah hibrid.
3. Kita kini telah masuk ke pertengahan tahun 2022. Saya secara peribadi berbangga dengan sikap profesional dan semangat yang ditunjukkan oleh warga MPS semasa waktu kita menghadapi pandemik Covid-19 sehingga kita memasuki fasa endamik.
4. Walaupun kita telah memasuki fasa endamik tetapi saya berharap agar kita semua tidak alpa sebaliknya terus menjaga prosedur operasi standard (SOP) dalam usaha wabak melawan Covid-19 yang belum berakhir.

**Tuan-tuan dan puan- puan sekalian,**

**EKSA**

5. Sebentar lagi kita akan mengadakan Program Gotong Royong Perdana EKSA Bilangan 1 Tahun 2022. Untuk makluman semua, Gotong royong Perdana ini akan diadakan dua (2) kali setahun bagi membudayakan amalan EKSA kepada staf MPS.
6. Seperti kelaziman, program ini dijalankan bagi tujuan untuk membersihkan kawasan persekitaran di MPS sama ada di dalam pejabat mahupun ditempat-tempat awam. Aktiviti gotong-royong ini bukan sahaja akan menyemai semangat kerjasama tetapi juga dapat mengeratkan sillaturahim di kalangan warga MPS.

**Pensijilan EKSA**

7. Untuk makluman semua, tempoh Pensijilan Ekosistem Kondusif Sektor Awam (EKSA) MPS telahpun tamat pada 31 Mei 2021. MPS akan menerima Lawatan Penilaian Pengauditan Pensijilan EKSA secara *Do-it-Yourself* (DIY) oleh Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor pada 22 hingga 24 Jun 2022 ini.

8. Saya berharap agar semua Ketua Jawatankuasa EKSA, Ketua-ketua Zon dapat memberikan komitmen bagi menjayakan lawatan pengauditan pada kali ini dengan melepas markah 90% sekali gus memastikan MPS berada dalam kategori Cemerlang.

9. Pelbagai penambahbaikan yang telah dilaksanakan oleh Jawatankuasa Induk EKSA bagi memastikan MPS berada dilandasan yang tepat seperti :

- Memperluaskan kawasan EKSA di Stadium, Taska dan Kolam Renang;
- Mengemaskini kriteria Audit Dalaman;
- Penambahan Zon EKSA;
- Melaksanakan Gotong Royong Mingguan;
- Mengadakan pertandingan EKSA secara dalaman; dan
- Menyediakan pelbagai latihan kepada kakitangan MPS.

10. Selain itu juga, elemen '*Wow Factor*' dan *Best Practice* juga menjadi aset utama bagi sesi pengauditan pada kali ini. Saya difahamkan Jawatankuasa Induk akan membuat pameran dan diharapkan semua zon dapat mengambil bahagian dalam pameran inovasi yang akan diadakan ini di Dewan Keraian, Menara MPS.

**Tuan-tuan dan puan- puan sekalian,**

**Program Pementoran**

11. Dalam kita bergerak seiring dengan perkembangan teknologi dan keperluan semasa, organisasi kita juga perlulah melahirkan tenaga kerja yang berkualiti, kompeten dan berdaya saing. Keberhasilan ini boleh dicapai melalui pembangunan modal insan yang mampu untuk menyumbangkan kepakaran dan ilmu pengetahuan dalam usaha kita untuk memperkasakan mutu penyampaian perkhidmatan awam secara holistik dan berkesan.
12. Antara salah satu program yang dilaksanakan oleh MPS adalah melalui Program Pementoran. Untuk makluman semua, Program Pementoran di MPS telah mula dilaksanakan pada tahun 2019 (Tahun pelaksanaan pada 2019, 2021 dan 2022) dan pada tahun ini merupakan siri ke-3 sejak ia diperkenalkan.
13. Objektif Program Pementoran MPS Tahun 2022 secara amnya merupakan program bimbingan, bagi membantu pegawai/kakitangan meningkatkan prestasi dengan mensasarkan pembangunan

kepimpinan, dalam melatih warga kerja untuk menjadi bakal pemimpin organisasi dan pegawai yang berwibawa.

14. Pada tahun ini, padanan mentor dan menti yang dibuat adalah tanpa melibatkan campur tangan pihak ketiga, dimana, mentor dan menti berpeluang untuk mengambil bahagian dalam proses pemilihan yang terakhir. (contohnya seperti kita mencari pasangan, jika saling memilih, maka kebarangkalian untuk berjaya itu tinggi kerana komunikasi dua hala menjadi lebih mudah dan keserasian boleh dipupuk daripada semasa ke semasa).
15. Hasil daripada suai padan dan pemilihan terakhir yang dibuat oleh mentor dan menti, pada tahun ini terdapat 35 orang peserta program yang terdiri daripada 17 orang mentor dan 18 orang menti yang berminat untuk menyertai Program Pementoran Perkhidmatan Awam MPS Tahun 2022 Siri 3 yang dijalankan. Taklimat program ini telahpun dilaksanakan pada 30 Mei 2022 kepada semua peserta program dan tempoh pelaksanaan program adalah selama enam (6) bulan.

16. Harapan saya supaya program ini dapat mencapai objektifnya dan keberhasilan daripada program ini, mentor dan menti dapat sama-sama saling memindahkan pelbagai kemahiran seperti *transferable skills* iaitu dari sudut teknikal, cara berkomunikasi, berfikiran kritis, *versatile*, kreatif dan berkepimpinan.

**Tuan-tuan dan puan- puan sekalian,**

**Projek Taman Botani Pintar Angkat**

17. Untuk makluman semua, Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal dan Kesihatan telah dipertanggungjawabkan untuk mengadakan Program Komuniti 3K (Kebersihan, Kesihatan Dan Kelestarian) di bawah Jawatankuasa 3K Smart Selayang Mampan.
18. Projek Taman Botani Pintar Angkat (MPS) Peringkat Sekolah Rendah ini adalah merupakan *pilot project* jabatan dan matlamat projek ini adalah untuk memberi pemahaman dan kesedaran kepada komuniti di dalam kawasan pentadbiran MPS berkaitan tanggungjawab sosial terhadap alam sekitar melalui penerapan kepada pelajar sekolah.

19. Selain itu, aktiviti ini juga dapat membiasakan pelajar dengan khazanah alam semula jadi di samping mewujudkan persekitaran untuk membantu pembelajaran pelajar.
20. Melalui program ini, sekolah yang terpilih perlu menerapkan penggunaan barang-barang kitar semula yang merupakan salah satu elemen kelestarian. Penganugerahan akan diberikan semasa sambutan Karnival Alam Sekitar iaitu pada minggu ke-2 bulan November tahun ini.
21. Untuk *pilot project* ini, sebanyak empat (4) buah sekolah rendah telah dipilih melalui pencalonan oleh PPD Gombak untuk menyertai projek ini iaitu:
  - i. SK Selayang Utama
  - ii. SK Taman Selaseh
  - iii. SK Selayang Baru 2
  - iv. SK Bukit Rawang Jaya
22. Disini saya ingin mengambil kesempatan untuk mengucapkan terima kasih kepada guru-guru besar yang hadir pada hari ini bagi menerima Surat Lantikan Sekolah Angkat Bagi Projek Taman Botani Pintar Angkat MPS Tahun 2022 Peringkat Sekolah Rendah.

## Penutup

23. Akhir sekali, di kesempatan ini, saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih terhadap komitmen dan kesungguhan semua pegawai dan kakitangan bermula awal tahun sehingga ke hari ini. Teruskan tekad dan semangat padu yang ditunjukkan dalam mengekalkan prestasi kerja yang produktif dan progresif. Semoga setiap apa yang dilakukan sentiasa mendapat keberkatan daripada Allah Subhanahuwataala.
24. Dengan lafaz Bismillahirahmanirahim, saya merasmikan Program Gotong-Royong Perdana EKSA Bilangan 1 Tahun 2022 pada hari ini.

Sekian, wabillahi Taufik wal hidayah Wassalamualaikum  
Warahmatullahi Wabarakatuh